

23 SEP 2002

Shahrizat-Wanita

SHAHRIZAT MINTA WANITA REBUT PELUANG -- BAJET MESRA WANITA 2003

KOTA KINABALU, 23 Sept (Bernama) -- Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Shahrizat Abdul Jalil meminta wanita di negara ini merebut peluang yang diberikan oleh kerajaan menerusi Bajet 2003.

Sambil menyifatkan bajet itu sebagai mesra wanita, beliau berkata kerajaan telah menyediakan peruntukan besar yang boleh membantu memajukan program pembangunan wanita.

Shahrizat berkata sebagai contoh, belanjawan tahun ini memberi peluang kepada wanita mengikuti program pembangunan komunikasi dan maklumat (ICT), dan oleh itu, wanita perlu mengambil peluang berkenaan bagi mencapai kecemerlangan khususnya dalam ICT.

"Saya juga berharap jawatankuasa pembangunan wanita dan keluarga di peringkat negeri supaya membantu wanita mengikuti program kemahiran ICT demi kebaikan mereka," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Mesyuarat Kebangsaan Pembangunan Wanita dan Keluarga di sini hari ini.

Selain itu, Bajet 2003 juga memberi beberapa rangsangan kepada usahawan wanita yang terlibat dalam industri kecil dan sederhana (SMI) bagi meningkatkan penyertaan mereka dalam bidang perniagaan.

"Memang ada wanita yang sudah berjaya tetapi masih ramai yang belum atau malu menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Maka kita perlu mengubah minda mereka," katanya.

Shahrizat berkata semangat Bajet 2003 yang memberikan penekanan kepada program pembangunan wanita membuktikan kesungguhan kerajaan Barisan Nasional (BN) membela nasib kaum itu di negara ini.

"Kalau kerajaan lain seperti PAS, mereka (wanita) tidak diberi peluang yang serupa dan dalam hal ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah pejuang pertama pembangunan wanita di negara ini," katanya.

Beliau berkata berbanding dengan kerajaan BN, kerajaan pembangkang seperti PAS tidak komited untuk membangun wanita, sebaliknya parti itu membawa wanita ke zaman hitam dahulu.

"Jadi, kalau ada pilihan raya atau undi, maka wanita kena fikirlah perkara ini," katanya.

-- BERNAMA

NT LAT